

HARTA: D KE ATAS

Musa jelaskan arahan asal Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan hari ini membatalkan arahan Jabatan Perkhidmatan Awam yang meminta lebih kurang 600,000 kakitangan awam dari peringkat tertinggi E hingga buruh kasar, mengisytiharkan harta mereka.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang mengarahkan surat pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4, 1981 itu ditarik balik mulai hari ini, berkata:

"Kerajaan memberi perakuan bahawa kesemua maklumat yang terkandung dalam borang yang telah diserahkan kepada ketua jabatan akan dirahsiakan.

"Pihak JPA telah kami arahkan untuk memastikan perkara ini dilaksanakan segera."

Kakitangan awam peringkat tertinggi E ke bawah yang belum menyerahkan borang pengisytiharan harta, dinasibatkan menyimpan borang tersebut dan tidak lagi perlu menyerahkannya kepada ketua jabatan masing-masing.

Bagaimanapun, penyerahan borang berkenaan bagi pegawai tertinggi D ke atas dan mereka yang ditakrifkan sebagai ketua jabatan, mesti dibuat sebelum tarikh akhir, 28 Februari ini.

Menimbulkan tanda tanya

Dengan nada kesal, Datuk Musa menjelaskan, beliau merasa kurang puas hati dengan tindakan pegawai bertanggungjawab mengenai pengisytiharan harta ini kerana menyalahfahsirkan arahan Perdana Menteri dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3, 1981 yang meminta hanya pegawai tingkatan tertinggi D ke atas dan mereka yang ditakrifkan sebagai ketua jabatan, untuk mengisytihar harta mereka.

Bagaimanapun, beliau menolak kemungkinan sabotaj di pihak pegawai yang bertanggungjawab, kerana dari silasatan yang dijalankan oleh Datuk Musa sendiri, peminjangan arahan Perdana Menteri itu, dibuat dengan "niat luhur dan jujur".

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan selanjutnya, bahawa berikutan penarikan balik arahan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4, tahun 1981 itu, pegawai kerajaan yang terkeluar dari tingkatan tertinggi D dan yang bukan ketua jabatan, tidak perlu mengisi borang dan mengisytihar harta masing-masing.

Katanya, beliau menyedari ramai pegawai kerajaan yang terlibat dengan pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4, 1981, telah mengisi dan menghantar borang mereka.

"Oleh sebab apa yang saya umumkan ini mungkin menimbulkan tanda tanya, perasaan was-was serta tidak puas hati, di kalangan pegawai yang telah mengisi borang berdasarkan pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4, 1981, maka sukalah saya memberi perakuan bahawa semua maklumat di borang itu

No. Siri 2366
No. Penerimaan 110/85

Perisytiharan ikut arahan PM yang asal

■ DARI MUKA 1

akan dirahsiakan.

"Pihak JPA juga diarah untuk menentu dan memastikan pelaksanaan saya ini dapat dilaksanakan segera," katanya.

Datuk Musa juga berkata, beliau kurang puas hati atas apa yang diumumkan hari ini kerana berbagai tafsiran atau takrif mungkin timbul.

Tetapi, katanya, pengumuman itu bertujuan semata-mata untuk memastikan bahawa pengisytiharan harta hanya mengikut arahan Perdana Menteri yang asal dan diberi segala perhatian terlebih dulu sebelum bahagian-bahagian sektor awam yang lain diminta berbuat demikian.

"Dengan lain-lain perkataan, apa yang saya umumkan ini ialah cuma menekankan bagaimana perlunya pegawai-pegawai perkhidmatan awam peringkat tertinggi D ke atas dan ketua-ketua jabatan dimesti dan dipastikan mematuhi arahan mengisytiharkan harta mereka tanpa menyusah payahan pegawai rendah setakat ini untuk mengisytiharkan harta mereka.

Ketika ditanya siapakah yang bertanggungjawab memanjangkan arahan Perdana Menteri mengenai pengisytiharan harta itu kepada pegawai peringkat rendah, Datuk Musa berkata, kesilapan

ini berlaku di peringkat pelaksanaan.

Tambahnya, penarikan balik arahan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1981 ini adalah untuk mengelakkan pegawai peringkat rendah dari "tergesa-gesa atau terburu-buru dan kebingungan" dalam mengisi borang yang berorientasikan sistem komputer.

Bagaimanapun, Datuk Musa membayangkan pengisytiharan harta bagi semua kakitangan kerajaan memang dikehendaki oleh Peraturan Am kakitangan. Tetapi, pelaksanaannya serta cara melaksananya perlu diteliti dan dikaji supaya tidak menimbulkan kesukaran kelak.